

Penganjuran NGC 2019 Platform Kumpul Kepakaran Bidang Geosains

Terakhir dikemaskini: Khamis, 03 Oktober 2019 11:51 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 71

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



KHAMIS, 3 OKT - Persidangan Geosains Kebangsaan (NGC) 2019 merupakan platform terbaik

mengumpulkan kepakaran untuk menghasilkan kajian berimpak tinggi.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, kajian geosains sangat penting bagi memastikan kemandirian alam sekitar di negara ini.

Katanya NGC adalah pentas untuk pakar berkongsi hasil penemuan dalam kajian masing-masing sama ada pakar dari agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO).

"Di samping memperoleh imput baharu menerusi NGC ini, semua pihak yang terlibat dapat membentuk kerjasama bagi menjalankan kajian berimpak tinggi pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan NGC 2019 kelmarin. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Profesor Dr. Rasid Mail.

Tambah Profesor Datuk Dr. Taufiq, selain kajian berkaitan bumi, bidang geosains juga melibatkan kajian masa serta planet lain.

Sehubungan itu katanya, ia amat penting dalam memastikan kemampuan alam sekitar di negara ini.

Sementara itu, Pengerusi NGC 2019, Profesor Madya Dr. Rodeano Roslee berkata, persidangan berkenaan memilih tema Geosains untuk Kemampuan Bumi.

Katanya, kepentingan sains geologi terbukti dengan adanya Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC) UMS.

Pusat berkenaan jelasnya, membolehkan para penyelidik membuat kajian berkaitan bencana alam serta membuat perundingan dan membina pangkalan data berkaitan sumber bumi sejak 1995.

"Selepas hampir 25 tahun beroperasi, pusat kajian ini menjadi salah satu daripada Pusat kecemerlangan UMS dan tahun ini menerima mandat besar dalam menganjurkan NGC," katanya.

Turut hadir pada majlis tersebut, Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam, Profesor Dr. Baba Musta.

Sumber : Utusan Borneo